



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN DANA INOVASI SOSIAL DAN
KAJIAN SOSIAL**

KANDUNGAN

1.Tujuan.....	1
2.Latar Belakang.....	1
3.Skop Program.....	2
4.Syarat dan Kriteria Permohonan Program	3
5.Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan Program	5
6.Tadbir Urus, Penilaian dan Kelulusan	6
7. Pemantauan	10
8. Peraturan Kewangan	10
9. Keputusan	13
10. Dokumen Perjanjian.....	13
11. Pematuhan.....	14

1. Tujuan

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan mengenai pelaksanaan Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial kepada Universiti Awam (UA) dan Politeknik Premier bagi melaksanakan projek dan kajian berorientasikan sosial yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat.
- 1.2 Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE-Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs-Sustainable Development Goals).

2. Latar Belakang

- 2.1 Selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), Strategi B2 iaitu melonjakkan kecemerlangan pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenalkan Program Inovasi Sosial dan Kajian Sosial.
- 2.2 Objektif program ini adalah untuk menggalakkan inovasi sosial dan penyelidikan berkaitan pembangunan masyarakat saksama seiring dengan Lonjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) iaitu menyokong inovasi sosial menerusi universiti awam yang berperanan sebagai penyelesaian masalah kepada komuniti.
- 2.3 Projek/Kajian yang dicadangkan hendaklah menjurus kepada matlamat sosial dan mempunyai model perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan serta boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek:
 - (a) peningkatan produktiviti; atau/dan
 - (b) peningkatan pendapatan komuniti terlibat; atau/dan
 - (c) pewujudan peluang pekerjaan baharu; atau/dan
 - (d) kelestarian alam sekitar

3. Skop Program

3.1 Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial terbahagi kepada dua (2) skop utama seperti yang berikut:

3.1.1 Inovasi Sosial

- (a) kerjasama strategik/perkongsian pintar antara penyelidik dan perusahaan sosial yang telah dikenal pasti bertujuan untuk menambahbaik dan menambah nilai melalui kaedah inovasi;
- (b) pembiayaan dari dana ini boleh digunakan sebagai penyelesaian inovatif bagi kesinambungan perusahaan sosial tersebut;
- (c) merangkumi program *knowledge/technology transfer*;
- (d) fokus projek adalah untuk membantu dan menambah baik perusahaan sosial bagi meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti;
- (e) tempoh masa pelaksanaan projek tidak melebihi 12 bulan.
- (f) projek inovasi sosial mesti memperoleh *Letter of Intent* (LOI) daripada pihak perusahaan sosial yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 - i. pernyataan masalah perusahaan sosial yang ingin ditambah baik;
 - ii. impak kepada perusahaan sosial;
 - iii. peranan, penglibatan dan sumbangan perusahaan sosial dalam projek;
 - iv. impak kepada penyelidik;
 - v. impak kepada komuniti;
 - vi. impak kepada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG);
 - vii. impak kepada negara;
 - viii. status pemilikan aset dan peralatan selepas tamat tempoh program atau projek; dan
 - ix. perkara-perkara lain yang berkaitan.

3.1.2 Kajian Sosial

- (a) kajian sosial merujuk kepada kajian yang melibatkan pemupukan nilai ihsan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Skop kajian sosial perlu melibatkan salah satu daripada teras berikut:
 - I. nilai hormat
 - II. kesejahteraan
 - III. kesaksamaan
 - IV. kepelbagaian budaya
 - V. tradisi keagamaan
 - VI. sejarah negara
 - VII. matlamat pembangunan mampan (*SDGs-Sustainable Development Goals*)
- (b) hasil kajian akan menyumbang kepada pemeraksanaan komuniti dan pembangunan masyarakat
- (c) tempoh masa pelaksanaan kajian tidak melebihi 9 bulan.

4. Syarat dan Kriteria Permohonan Program

4.1 Inovasi Sosial

- (a) Inovasi sosial akan dilaksanakan oleh UA dan Politeknik Premier bersama perusahaan sosial;
- (b) entiti perusahaan sosial hendaklah mendapat sekurang-kurangnya penarafan perusahaan sosial asas (SE.B) oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP);
- (c) setiap perusahaan sosial hanya boleh memohon satu program sahaja di bawah dana ini; dan
- (d) keutamaan kepada perusahaan sosial yang tidak mendapat dana/peruntukan lain daripada Kementerian/Agensi kerajaan

4.2 Kajian sosial

- (a) Kajian sosial akan dilaksanakan oleh UA dan Politeknik Premier dan boleh berkolaborasi dengan organisasi berikut:

- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- Koperasi
- Persatuan Berdaftar

(b) penerima manfaat hendaklah terdiri daripada masyarakat Malaysia dengan mensasarkan belia, pesara, masyarakat luar bandar, orang kurang upaya dan organisasi bukan kerajaan.

4.3 Syarat umum pemohon (Peneraju projek)

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) terbuka kepada semua penyelidik bertaraf tetap atau kontrak di UA dan Politeknik Premier;
- (c) tempoh perkhidmatan pemohon hendaklah berbaki sekurang-kurangnya 24 bulan pada tarikh projek bermula;
- (d) mempunyai kepakaran, kemahiran atau pengetahuan dalam program/kajian yang dimohon;
- (e) bukan dalam tempoh cuti belajar/ sabatikal/ menyambung pengajian/ latihan industri atau yang setaraf dengannya; dan
- (f) tidak mempunyai sebarang konflik yang berkepentingan (*conflict of interest*) dalam perusahaan sosial yang terlibat.

4.4 Peruntukan yang layak dimohon

- (a) perolehan harta modal seperti mesin dan peralatan (pemilikan dan penempatan aset yang dibeli melalui dana ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana kandungan perjanjian yang ditandatangani oleh universiti dan entiti);
- (b) bayaran upah *research assistant* (mengikut kadar yang ditetapkan oleh UA masing-masing);
- (c) perolehan bahan mentah untuk program (*one-off*);
- (d) kos *overhead* seperti pembungkusan, pengiklanan dan pemasaran;
- (e) penganjuran latihan/bengkel;
- (f) bayaran sewaan;

- (g) elaun gantian hilang pendapatan bagi peserta sahaja;
- (h) tuntutan perjalanan (kerja lapangan atau kutipan data dan lain-lain aktiviti yang berkaitan);
- (i) kos-kos lain tertakluk kepada kelulusan KPT.

4.5 Sebarang pindahan vot peruntukan adalah tertakluk kepada kelulusan Pusat Pengurusan Penyelidikan/*Research Management Centre* (RMC) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK bagi Politeknik Premier sepanjang tempoh program dan projek aktif.

5. Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan Program

5.1 Pemohon hendaklah mengemukakan kertas cadangan dan slaid pembentangan yang ringkas dan padat berdasarkan format yang ditetapkan seperti yang berikut:

- (a) Tujuan
Ruangan ini hendaklah menyatakan tujuan permohonan dengan jelas bagi mendapatkan peruntukan pelaksanaan program ini.
- (b) Maklumat Permohonan
Ruangan ini hendaklah mengandungi senarai program, ringkasan program, termasuk perincian peruntukan yang diperlukan bagi setiap program dan jumlah keseluruhan peruntukan yang dimohon.
- (c) Kesimpulan dan Penutup
Pemohon perlu menyatakan matlamat utama memohon Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial dan rumusan bagi program yang dimohon.
- (d) Lampiran
Ruangan ini mengandungi perincian program. Kertas cadangan perlu disediakan berdasarkan format di bawah:

- i. Tujuan program/projek;
- ii. Justifikasi program/projek;
- iii. Kumpulan sasar;
- iv. Impak;
 - o kepada kumpulan sasar (merangkumi impak sosial dan ekonomi);
 - o kepada alam sekitar (sekiranya ada); dan
 - o kepada kerajaan (sekiranya ada)
- v. Perusahaan sosial atau entiti yang terlibat;
- vi. Perincian peruntukan;
- vii. Perancangan pelaksanaan; dan
- viii. Ketua penyidik dan pasukan yang bertanggungjawab.

6. Tadbir Urus, Penilaian dan Kelulusan

6.1 Tadbir urus bagi Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial terbahagi kepada dua (2) iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu.

6.2 Jawatankuasa Teknikal diurus setiakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) manakala Jawatankuasa Pemandu yang akan diurus setiakan oleh KPT.

6.3 Keanggotaan Jawatankuasa Teknikal adalah seperti di bawah:

6.3.1 Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

- (a) Pengerusi : Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT)
- (b) Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Penyelidikan)
- (c) Panel Tetap
 - i. Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, JPT
 - ii. Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan KPT
 - iii. Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Penyelidikan dan PPRN, BDP KPT
 - iv. Pakar Bidang

- (d) Kekerapan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan
- (e) Urus setia : Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, JPT

6.3.2 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

- (a) Pengerusi : Ketua Pengarah, Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK)
- (b) Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
- (c) Panel Tetap
 - i. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK
 - ii. Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan KPT
 - iii. Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Penyelidikan dan PPRN, BDP KPT
 - iv. Pakar Bidang
- (d) Kekerapan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan
- (e) Urus setia : Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK

6.4 Keanggotaan **Jawatankuasa Pemandu** adalah seperti di bawah:

- (a) Pengerusi : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT
- (b) Panel Tetap
 - i. KPPT
 - ii. KPPK
 - iii. Setiausaha Bahagian Pembangunan
 - iv. Setiausaha Bahagian Kewangan
 - v. Setiausaha Bahagian Dasar dan Penyelidikan
 - vi. Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik
 - vii. Wakil Kementerian Ekonomi
 - viii. Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
 - ix. Pakar Bidang
- (c) Kekerapan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan
- (d) Urus setia : Bahagian Dasar dan Penyelidikan, KPT

6.5 Kaedah pelaksanaan program

6.5.1 Prosedur permohonan

- (a) pemohon perlu mengemukakan kertas cadangan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP)/*Research Management Centre* (RMC) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK bagi Politeknik Premier;

6.5.2 Penilaian

- (a) penilaian permohonan melibatkan dua (2) peringkat:
 - i. Penilaian Kertas Cadangan Program; dan
 - ii. Pembentangan Kertas Cadangan Program (sekiranya diperaku di peringkat penilaian Kertas Cadangan Program).

6.5.2.1 *Penilaian Kertas Cadangan Program*

- (a) Penilaian permohonan dilaksanakan di peringkat institusi masing-masing;
- (b) Penilaian bagi UA adalah berdasarkan kepada kriteria penilaian yang ditetapkan oleh institusi manakala bagi Politeknik Premier adalah berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK;
- (c) Penilaian UA - Ahli panel penilai mestilah pakar dalam bidang yang dilantik oleh institusi dan bertaraf Profesor atau Prof. Madya;
- (d) Penilaian Politeknik Premier – Ahli panel mempunyai kelayakan minimum kelulusan Ijazah Sarjana; dan
- (e) Permohonan dinilai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang panel penilai.

6.5.2.2 *Pembentangan*

- (a) Permohonan yang telah melalui proses saringan seterusnya akan dinilai melalui pembentangan kertas cadangan di institusi masing-masing;

- (b) Pemohon dan pihak perusahaan sosial/entiti yang terlibat diwajibkan hadir ke sesi pembentangan;
- (c) Senarai permohonan yang disyorkan di peringkat institusi akan dimajukan kepada Jawatankuasa Teknikal di peringkat JPT/JPPKK untuk perakuan; dan
- (d) Senarai permohonan yang diperaku oleh Jawatankuasa Teknikal akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu untuk kelulusan dana dan keputusan.

6.5.3 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- (a) Latar belakang program;
- (b) Kesesuaian perusahaan sosial/entiti yang terlibat;
- (c) Pernyataan permasalahan perusahaan sosial/entiti yang terlibat serta isu yang jelas;
- (d) Berimpak tinggi
- (e) Komponen kos yang jelas
- (f) Program dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat (tempoh antara 9 – 12 bulan)

6.5.4 Keputusan pemilihan program adalah berdasarkan senarai keutamaan yang dikemukakan oleh RMC/ PPI

6.5.5 sekiranya projek penyelidikan telah tamat atau tidak aktif, pihak institusi hendaklah memastikan baki peruntukan projek penyelidikan tersebut disimpan dalam akaun berasingan; dan

6.5.6 pihak institusi juga tidak dibenarkan untuk menggunakan baki peruntukan tersebut bagi menampung lebihan perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu projek penyelidikan yang lain.

6.5.7 Tanggungjawab Pihak Institusi

- (a) melantik Ahli Panel Penilai yang berkeelayakan
- (b) memastikan sekurang-kurangnya tiga (3) orang Ahli Panel Penilai menilai setiap permohonan;

- (c) mengemukakan senarai permohonan yang disyorkan mengikut keutamaan untuk perakuan dan kelulusan di peringkat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu.

7. Pemantauan

Pemantauan program akan dijalankan oleh Pusat Pengurusan Projek (RMC) di UA dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK bagi Politeknik Premier sehingga program selesai dari tarikh penyaluran dana peruntukan daripada KPT:

- (a) memantau kemajuan pelaksanaan setiap program supaya berjalan lancar dan tidak lewat daripada perancangan;
- (b) menilai pencapaian setiap program supaya mencapai impak seperti yang ditetapkan;
- (c) mengangkat permohonan kelulusan *Extension of Time* (EOT) kepada Jawatankuasa Teknikal tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat projek;
- (d) Peneraju projek perlu membentangkan laporan kewangan dan laporan kemajuan program kepada RMC/PPI setiap 6 bulan. Setelah projek tamat, pembentangan laporan akhir akan diadakan diperingkat institusi.

8. Peraturan Kewangan

8.1 Perbelanjaan yang dibenarkan untuk pembelian, pembayaran atau perolehan di bawah geran Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial hendaklah memenuhi kod perbelanjaan seperti berikut:-

- (a) **Vot 11000** - Upah Pembantu Penyelidik
Pelantikan Pembantu Penyelidik adalah dibenarkan dengan upah sebanyak RM2,500.00 hingga RM5,000.00 sebulan (termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)). Kadar bayaran mestilah bersesuaian dengan skop tugas.

- (b) **Vot 21000** - Perjalanan dan Pengangkutan
Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan program. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 15% daripada jumlah peruntukan geran yang diluluskan.
- (c) **Vot 24000** - Sewaan
Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.
- (d) **Vot 27000** - Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.
- (e) **Vot 29000** - Perkhidmatan Ikhtisas
- i. **Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Justifikasi permohonan bagi setiap butiran dan sebut harga (mengikut kesesuaian butiran) hendaklah disertakan;**
 - ii. **Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis**
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus atau program sangkutan jangka pendek (sekali sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi satu (1) bulan;
 - iii. **Pembayaran bagi memfailkan harta intelek**
dibenarkan. Kadar yang dimohon mestilah

berpadanan dengan jenis harta intelek yang ditetapkan sebagai output/hasil penyelidikan. Manakala bayaran berkala hendaklah ditanggung oleh pihak universiti/perusahaan sosial; dan

- iv. Pembayaran khidmat profesional kepada pihak industri yang terlibat dalam projek penyelidikan adalah tidak dibenarkan.

(f) **Vot 35000** - Aksesori dan Peralatan

- i. Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan;
- ii. Pemilikan dan penempatan aset yang dibeli melalui geran ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana kandungan perjanjian yang ditandatangani oleh universiti dan perusahaan sosial/entiti yang terlibat; dan
- iii. Jumlah perbelanjaan untuk pembelian aksesori dan peralatan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah peruntukan geran yang diluluskan.

- 8.2 Segala perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi dan institusi.
- 8.3 Pemohon tidak dibenarkan menggunakan peruntukan geran bagi pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 8.4 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

9. Keputusan

- 9.1 Keputusan adalah muktamad.
- 9.2 Pemakluman keputusan akan dihantar kepada Naib Canselor dan Pengarah Politeknik Premier dan disalin kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK dan Bendahari institusi.
- 9.3 Dana akan disalurkan kepada Bendahari/Kewangan institusi berdasarkan jumlah yang diluluskan dalam surat pemakluman keputusan.
- 9.4 Pihak institusi hendaklah memaklumkan keputusan kepada pemohon dan penawaran kepada pihak perusahaan sosial/entiti yang terlibat untuk penyediaan MoA.

10. Dokumen Perjanjian

- 10.1 Penyediaan perjanjian projek Inovasi Sosial dan Kajian Sosial (*Memorandum of Agreement*) adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab institusi masing-masing.
- 10.2 Perjanjian ini akan dimeterai oleh institusi dengan perusahaan sosial/entiti terlibat bagi memastikan program/projek yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.

10.3 Pihak institusi hendaklah mengemukakan salinan dokumen perjanjian (*Memorandum of Agreement*) kepada KPT. Surat Tawaran Projek hanya akan dikeluarkan selepas pihak KPT menerima salinan (*Memorandum of Agreement*).

11. Pematuhan

11.1 UA dan Politeknik Premier yang telah menerima geran peruntukan daripada KPT hendaklah mematuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan termasuk mematuhi tempoh penyempurnaan program yang telah diluluskan.

11.2 Peruntukan yang telah diluluskan dan disalurkan kepada UA dan Politeknik Premier hendaklah digunakan dengan tujuan melaksanakan program yang telah diluluskan oleh KPT sahaja.

**Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Julai 2024**

UNIVERSITI AWAM (UA)

Senarai UA adalah seperti berikut:

BIL.	INSTITUSI	KOD RUJUKAN
1.	Universiti Malaya	UM
2.	Universiti Putra Malaysia	UPM
3.	Universiti Sains Malaysia	USM
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
5.	Universiti Teknologi Malaysia	UTM
6.	Universiti Utara Malaysia	UUM
7.	Universiti Teknologi MARA	UITM
8.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	UIAM
9.	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah	UMPSA
10.	Universiti Malaysia Terengganu	UMT
11.	Universiti Malaysia Perlis	UNIMAP
12.	Universiti Malaysia Sabah	UMS
13.	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
14.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
15.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM
16.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTEM
17.	Universiti Sultan Zainal Abidin	UNISZA
18.	Universiti Sains Islam Malaysia	USIM
19.	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
20.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	UPNM


Senarai Politeknik Premier adalah seperti berikut:-

BIL.	POLITEKNIK	KOD RUJUKAN
1.	Politeknik Ungku Omar Perak	PUO
2.	Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah	PSA
3.	Politeknik Ibrahim Sultan	PIS

DEFINISI BAGI TERMA DI BAWAH TADBIR URUS DANA INOVASI SOSIAL DAN KAJIAN SOSIAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Terma	Definisi
Perusahaan Sosial	perusahaan sosial merujuk entiti yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Malaysia dan mendapat penarafan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
Pemohon/Peneraju Projek	merujuk kepada penyelidik-penyelidik di UA yang berkecualan memohon dana inovasi sosial dan kajian sosial.
PPP/RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan/ <i>Research Management Centre</i>
PPI	Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK

**CARTA ALIR PERMOHONAN
DANA INOVASI SOSIAL DAN KAJIAN SOSIAL**



TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA TEKNIKAL
DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
(PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI DAN JABATAN PENDIDIKAN
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI)

1. TUJUAN

Jawatankuasa Teknikal ini merupakan jawatankuasa di peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang mempertimbang dan memperaku permohonan yang telah melepasi peringkat penilaian dan disyorkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial Kementerian Pendidikan Tinggi.

2. KEAHLIAN

2.1 Jawatankuasa Teknikal ini dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

- (a) Pengerusi : Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT)
- (b) Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Penyelidikan)
- (c) Panel Tetap
 - i. Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, JPT
 - ii. Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan KPT
 - iii. Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Penyelidikan dan PPRN, BDP KPT
- (d) Pakar Bidang
 - (a) Kekurangan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan
 - (b) Urus setia : Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, JPT

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

- (a) Pengerusi : Ketua Pengarah, Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK)
- (b) Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
- (c) Panel Tetap
 - i. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK
 - ii. Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan KPT
 - iii. Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Penyelidikan dan PPRN, BDP KPT
 - iv. Pakar Bidang

- (d) Kekerapan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan
- (e) Urus setia : Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK

2.2 Pelantikan sebagai ahli jawatankuasa ini adalah atas nama jawatan.

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal terbentuk dengan kehadiran empat (4) orang ahli tetap atau wakil.

2.4 Sekiranya memerlukan kepakaran dari Jabatan/Agensi/Bahagian/Institusi lain, wakil dari Jabatan/Agensi/Bahagian/Institusi yang berkenaan boleh dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ini.

3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TEKNIKAL

3.1 Mempertimbang dan memperaku permohonan yang telah melepasi peringkat penilaian dan yang disyorkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP)/ Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) kepada Jawatankuasa Pemandu Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial Kementerian Pendidikan Tinggi.

3.2 Memastikan kajian/projek yang disyorkan memenuhi kriteria berikut:

- i. bertepatan dengan bidang keutamaan semasa yang ditetapkan oleh KPT;
- ii. Kajian/projek yang berpotensi menyumbang penyelesaian dan memacu ekonomi negara; dan
- iii. menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara

- 3.3 Memperaku dan meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 3.4 Memberikan pandangan terhadap perkara-perkara berkaitan pemantauan kemajuan dan prestasi program/projek dan mengesyorkan tindakan yang bersesuaian kepada KPT.
- 3.5 Memberikan pandangan terhadap perkara yang berkaitan dengan penyelidikan di bawah dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial Kementerian Pendidikan Tinggi.

TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA PEMANDU DANA INOVASI SOSIAL DAN KAJIAN SOSIAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

1. TUJUAN

Jawatankuasa Pemandu Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial Kementerian Pendidikan Tinggi merupakan jawatankuasa di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi yang memperaku dan meluluskan permohonan yang telah melepasi peringkat penilaian dan disyorkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial.

2. Pengerusi

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT.

3. KEAHLIAN PANEL

2.1 Jawatankuasa Pemandu Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT dianggotai oleh panel-panel tetap dan jemputan.

2.2 Panel-panel tetap mewakili Bahagian dan Jabatan yang berkaitan di bawah KPT, Kementerian-Kementerian lain dan pihak Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Panel-panel tetap terdiri daripada:

- i. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
- ii. Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
- iii. Setiausaha Bahagian Pembangunan
- iv. Setiausaha Bahagian Kewangan
- v. Setiausaha Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- vi. Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik
- vii. Wakil Kementerian Ekonomi
- viii. Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- ix. Pakar Bidang
- x. Kekерapan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan
- xi. Urus setia : Bahagian Dasar dan Penyelidikan

- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu terbentuk dengan kehadiran empat (4) orang ahli tetap atau wakil.
- 2.4 Kehadiran panel tetap dalam mesyuarat boleh diwakilkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 2.5 Panel-panel jemputan terdiri daripada wakil-wakil daripada Kementerian/Agensi Kerajaan lain, IPT, persatuan dan individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Panel-panel jemputan dijemput dari semasa ke semasa bagi memberi pandangan, input dan maklum balas ke atas isu-isu yang dibincang dan dibentangkan dalam mesyuarat.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PEMANDU

- 4.1 Meneliti, menimbang dan membuat keputusan ke atas syor dan peruntukan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT berhubung permohonan Program Inovasi Sosial dan Projek Kajian Sosial.
- 4.2 Meneliti, menimbang dan membuat keputusan ke atas peruntukan tahunan dan skop bagi Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT.
- 4.3 Meneliti, menimbang dan membuat keputusan ke atas syor daripada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT berhubung penentuan keperluan dan hala tuju pelaksanaan Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT berdasarkan kepada bidang-bidang keutamaan negara, Pelan Rancangan Malaysia dan sebagainya.
- 4.4 Meneliti, menimbang dan membuat keputusan ke atas syor daripada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial KPT berhubung sebarang perkara, isu dan tadbir urus yang melibatkan dana inovasi sosial dan kajian sosial:
 - i. Laporan Interim, Laporan Draf Akhir dan Laporan Akhir daripada pasukan penyelidik;
 - ii. Laporan secara berfasa daripada pasukan penyelidik; dan
 - iii. Bayaran kepada pasukan penyelidik.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

(BORANG PERMOHONAN BAGI DANA INOVASI SOSIAL DAN KAJIAN SOSIAL)

Sila Tandakan Salah Satu

Inovasi Sosial	
Kajian Sosial	

A. Perincian Permohonan

Skop Program / Projek	Sila tandakan yang berkaitan:		
	Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (<i>MySTIE-Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy</i>)		
	Matlamat Pembangunan Mampan (<i>SDGs-Sustainable Development Goals</i>)		
	Nilai hormat		
	Kesaksamaan/kesejahteraan		
	Kepelbagaian budaya		
	Tradisi keagamaan		
Sejarah negara			
Tajuk Program/Projek			
Nama Ketua Penyelidik			
No. Pekerja		No. Kad Pengenalan	
Jawatan			
Institusi			
No. Telefon Pejabat		No. Telefon Bimbit	
Alamat Emel			
Warganegara			
Tempoh (Bulan)			
Lokasi			
Kos Program/Projek (RM)			

B. Ahli Kumpulan			
Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	Institusi

C. Program/Projek
1. Ringkasan Eksekutif
2. Penyataan Masalah
3. Soalan Program/Projek
4. Objektif Program/Projek
5. Kajian Literatur
6. Kaedah Kajian
7. Rujukan

LAMPIRAN F

8. Jangkaan Hasil
9. Aktiviti projek dan Carta Gantt
10. Projek/Kajian <i>Milestone</i>

C. Perincian *Deliverables* (Sila Tandakan Yang Berkaitan)

[illegible]

Keterangan pemilihan kategori *deliverables*:

D. Bajet		
Vot	Perincian	Amaun (RM)
Vot 11000 Gaji dan Upah		
Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan		
Vot 24000 Sewaan		
Vot 27000 Bahan & Bekalan Penyelidikan		
Vot 29000 Perkhidmatan Ikhtisas		
Vot 35000 Aset		
JUMLAH		
E. Pengisytiharan (Sila tandakan [√])		
	Semua butiran yang diberikan dalam borang ini adalah tepat. Kementerian Pendidikan Tinggi berhak untuk menolak atau menawarkan tanpa notis terlebih dahulu jika terdapat sebarang maklumat yang tidak tepat diberikan.	
	Permohonan program/projek ini tidak dibiayai melalui dana atau geran daripada Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan yang lain.	
	Program/projek yang dimohon ini adalah karya asli saya, tidak disalin daripada karya orang lain (terbit atau tidak diterbitkan) dan belum diserahkan untuk permohonan geran di tempat lain.	
Ketua Penyelidik		
Tarikh		
Tandatangan		